



## كمنتريين حال احوال دالم نكري

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

### **SIARAN AKHBAR DAFTAR LESEN ANJING**

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ingin memaklumkan bahawa para pemilik anjing peliharaan atau yang baharu memiliki anjing supaya mendaftarkan anjing mereka sebelum 1 Februari 2022.

2. Anjing-anjing yang didaftarkan hendaklah berusia tiga (3) bulan ke atas. Pendaftaran bolehlah dibuat di kaunter-kaunter Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria dan Jabatan Bandaran Tutong. Kaunter Pembayaran dibuka pada:

- Hari Isnin hingga hari Khamis dari pukul 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 1:30 petang hingga 3.00 petang; dan
- Hari Sabtu dari pukul 7:45 pagi hingga 10.00 pagi sahaja.

3. Adalah menjadi kesalahan di bawah Bab 4 dari Akta Anjing (Penggai 60), jika pemilik anjing gagal mendaftarkan anjing-anjing, mereka boleh dijatuhkan hukuman denda \$250.00 atau 14 hari penjara bagi kesalahan pertama, manakala bagi kesalahan kedua dan berikutnya boleh dijatuhi hukuman denda \$500.00 atau sebulan penjara.

4. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ingin mengingatkan pemilik anjing supaya anjing yang telah didaftarkan perlulah dikalungkan lencana pada leher anjing pada setiap masa. Bagi pemilik berdaftar yang mempunyai lencana anjing tetapi tidak dikalungkan pada anjing tersebut juga akan diambil tindakan dan jika sabit kesalahan boleh dijatuhi hukuman denda \$250.00 atau sebulan penjara di bawah Akta Anjing (Penggai 60) Bab 5 (1).

5. Pemilik anjing peliharaan adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas anjing-anjing peliharaan mereka untuk sentiasa berada di dalam kawasan rumah sahaja samada di kandang / sangkar atau ditambat.

6. Untuk maklumat lanjut mengenai pendaftaran anjing peliharaan, orang ramai bolehlah menghubungi Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan di talian 2232426 ext 303; Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria di talian 3335567 / 3347495; dan Jabatan Bandaran Tutong di talian 4221009 / 8282965.

**-TAMAT-**

**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri  
Negara Brunei Darussalam**

23 Jamadilakhir 1443H | 26 Januari 2022M